

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 26 MEI 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 11

Manfaat penguasaan IR 4.0 elak ancaman ‘scammer’

Manfaat penguasaan IR 4.0 elak ancaman ‘scammer’

Oleh Prof Madya Dr Shamsul Arriya Ariffin
bhrencana@bhcom.my



Ketua Penyelidik Pengujian Kebolehgunaan Perisian Pendidikan, Fakulti Komputeran dan Teknologi-Meta, Universiti Pendidikan Sultan Idris

Penipuan sindiket *scammer* kini masalah membahayakan manusia, perniagaan dan ekonomi di seluruh dunia termasuk Malaysia. Malaysia menjadi sasaran popular bagi *scammer* kerana menyedari kebergantungan tinggi manusia terhadap platform digital dan media sosial.

Penipuan dalam pelaburan, perbelanjaan dalam talian, pekerjaan dan percintaan adalah antara jenayah paling lazim di dunia. Penipuan bentuk baharu ini membawa impak kerugian kewangan, penderitaan psikologi dan kemudaratan reputasi.

Justeru, bagi menangani masalah ini, pemahaman mengenai bentuk penipuan *scammer* perlu ditingkatkan kepada orang awam supaya bijak ‘menghindu’ taktik dilakukan sindiket ini daripada peringkat awal supaya tidak menjadi mangsa seterusnya.

Bermakna, perlu ada pendidikan awam formal mengenai ancaman *scammer* di sekolah, kolej, tempat kerja dan secara dalam talian. Kempen untuk meningkatkan kesedaran awam penting bagi membolehkan orang ramai mengenal pasti dan melaporkan aktiviti mencurigakan dengan segera.

Komuniti juga perlu diperkasakan dalam memainkan peranan menyebarkan maklumat benar dan tepat serta melaporkan unsur serta suspek *scammer* kepada pihak penguatan kuasa.

Kerjasama dengan pusat komuniti dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) seperti mewujudkan *Help Desk* dapat mewujudkan persekitaran mesra komuniti, sekali gus memberi akses kepada mangsa mendapatkan perkhidmatan dan bantuan jika me-

nyedari perangkap *scammer*.

Namun, antara aspek yang mungkin tidak disedari kerajaan, agensi penguatan kuasa, pihak sekuriti siber adalah memanfaatkan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) bagi menghalang perangkap awal sindiket penipuan daripada menembusi pemikiran orang ramai.

Penggunaan IR 4.0 antara lain mewujudkan pangkalan data pusat bagi mengumpul maklumat mengenai insiden penipuan dilaporkan dan menjalankan pemantauan serta analisis berterusan aliran penipuan menerusi ramalan pembelajaran mesin.

Manfaatkan kelebihan AI

Kecerdasan buatan (AI) dan analistik data dapat digunakan untuk melihat corak, arah aliran dan strategi penipu sedang menjadi trend semasa sama ada di peringkat domestik atau antarabangsa. Pemantauan analisis ini kemudian dikongsikan dengan kerap kepada pihak berkusa untuk menambah baik langkah pencegahan.

Penggunaan IR 4.0 antara lain adalah mewujudkan pangkalan data pusat bagi mengumpul maklumat mengenai insiden penipuan dilaporkan

Pada masa sama, kerajaan patut melaksanakan sistem pencegahan awal seperti memantau laporan penipuan, menganalisis, memaklumkan tempat penjenayah dan menghantar makluman masa nyata kepada orang ramai serta pasukan penguatan kuasa undang-undang.

Hakikatnya, Malaysia boleh memperkuuh sistem pertahanannya dan melindungi orang awam terutama warga emas, pesara, kanak-kanak, golongan rentan dan miskin daripada terdedah kepada sindiket *scammer* dan menggunakan kaedah pencegahan disesuaikan dengan persekitaran Malaysia.

Di luar negara, banyak syarikat multinasional dan digital berpengaruh mendapat faedah apabila memanfaatkan menggunakan AI, meningkatkan pemantauan internet benda (IoT) dan analisis data raya dalam pencegahan penipuan.

Syarikat tempatan harus mencontohi syarikat antarabangsa yang mengutamakan pelaksanaan teknologi menggunakan IR 4.0 untuk melindungi pelanggan dan aset kewangan mereka.

Pada masa sama, individu harus memperkasakan diri mereka dengan pengetahuan menggunakan teknologi berteras IR 4.0 dan terus berwaspada melindungi maklumat peribadi serta sentiasa mencari jalan mengurangkan risiko berkaitan dengan penipuan.

Semua pemegang taruh di negara ini khasnya kerajaan, swasta dan rakyat patut bekerjasama menjadikan negara ini lebih selamat, bebas sindiket penipuan maya dan terhindar ancaman siber menerusi pendidikan, inovasi, pengukuhan undang-undang dan kerjasama antarabangsa.

Lebih penting, semua pihak berkepentingan perlu memanfaatkan potensi IR 4.0 untuk mencipta ekosistem digital lebih selamat dan terjamin, meningkatkan pemahaman literasi digital serta tata kelola sihat sekuriti siber untuk menangani masalah *scammer*.